

# LIVE-WELL OSTESAMIN 1500 POWDER

Glucosamine Sulphate (1500mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Live-well Ostesamin 1500 Powder
2. Bagaimana Live-well Ostesamin 1500 Powder berfungsi
3. Sebelum mengambil Live-well Ostesamin 1500 Powder
4. Cara menggunakan Live-well Ostesamin 1500 Powder
5. Semasa menggunakan Live-well Ostesamin 1500 Powder
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Live-well Ostesamin 1500 Powder

Live-well Ostesamin 1500 Powder adalah terapi tambahan untuk gejala osteoarthritis (keradangan sendi) yang melibatkan masalah sendi.

## Bagaimana Live-well Ostesamin 1500 Powder berfungsi

Live-well Ostesamin 1500 Powder mengurangkan kesakitan sendi, bengkak dan menambahbaik pergerakan sendi.

## Sebelum mengambil Live-well Ostesamin 1500 Powder

### -Bila tidak boleh mengambil

Jika anda mempunyai alahan terhadap glucosamine atau mana- mana bahan lain yang terkandung dalam Live-well Ostesamin 1500 Powder.

Jika anda alah kepada kerang-kerangan.

### -Sebelum mula mengambil

Baca arahan daripada anggota perubatan anda dan risalah ini secara teliti untuk memahami cara mengambil ubat ini.

Maklumkan dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda:

- mempunyai masalah buah pinggang atau hati
- sedang mengandung, merancang untuk hamil, atau menyusukan anak. Elakkan penggunaan ubat ini semasa 3 bulan pertama kehamilan.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi sekiranya anda sedang mengambil ubat

untuk mengawal kandungan gula dalam darah, contohnya ubat metformin atau rosiglitazone.

Kesan ubat Warfarin (sejenis ubat cair darah) mungkin akan meningkat sepanjang rawatan dengan glucosamine.

Maklumkan doktor sekiranya anda sedang mengambil ubat atau ubatan herba atau suplemen makanan. Jika anda sedang mengambil ubatan tersebut, kemungkinannya doktor anda akan lebih kerap memantau kesan warfarin dalam darah anda.

Beritahu kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada alahan kepada makanan atau bahan-bahan lain

## Cara menggunakan Live-well Ostesamin 1500 Powder

### -Berapa banyak harus digunakan

#### Dewasa

Satu pek diambil setiap hari. Semua kandungan dalam sachet perlu dilarutkan dalam 250 ml (segelas air) dan diminum dengan segera.

Keselamatan dan keberkesanan belum dibuktikan pada kanak-kanak oleh itu kanak-kanak harus mengelak daripada menggunakan glucosamine.

### -Bila perlu digunakan

Live-well Ostesamin 1500 Powder boleh diambil bila-bila masa sahaja dan sebaik mungkin ambil semasa makan.

### -Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini untuk tempoh masa yang disyorkan oleh doktor atau ahli farmasi anda..

### -Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dantunggu untuk mengambil dos seterusnya mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital

terdekat jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa.

Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Live-well Ostesamin 1500 Powder

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil dos dan ikuti tempoh rawatan yang ditetapkan oleh anggota perubatan anda. Anda harus berjumpa dengan doktor sekiranya gejala-gejala menjadi teruk ataupun tidak bertambah baik.

Kesan ubat glucosamine mungkin hanya dirasai selepas 2-3 minggu. Oleh itu, anda dinasihatkan supaya mengambil ubat tahan sakit jika diperlukan semasa tempoh awal rawatan.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada kotak.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Live-well Ostesamin 1500 Powder boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:

**Kardiovaskular:** bengkak di bahagian bawah kaki atau tangan, kadar denyutan jantung yang terlalu laju.

**Sistem saraf pusat:** Mengantuk, sakit kepala, gangguan tidur telah diperhatikan tetapi jarang.

# LIVE-WELL OSTESAMIN 1500 POWDER

Glucosamine Sulphate (1500mg)

---

**Gastrosus:** Loya, muntah, cirit-birit, ketidakhadaman atau sakit epigastrik, sembelit, pedih ulu hati dan gangguan makan boleh berlaku tetapi jarang.

**Kulit:** Tindak balas kulit seperti kemerahan kulit dan kulit gatal telah dilaporkan.

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda untuk sebarang kesan sampingan yang dihadapi semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumer* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*]

## **Cara penyimpanan dan pelupusan**

### -Penyimpanan

Simpan di tempat kering yang dingin di bawah 30°C.

### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Serbuk: Serbuk berwarna oren hingga kemerahan dengan bau perisa oren.

Larutan: Larutan oren jernih dengan bau perisa oren.

### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Glucosamine Sulphate Potassium Chloride

-Bahan tidak aktif

Sucralose, Colloidol silicone dioxide, Orange flavour, Sunset yellow FCF and Mannitol

### -Nombor MAL

MAL12115069X

## **Pengilang**

Noripharma Sdn. Bhd.  
Lot 5030, Jalan Teratai,  
5 ½ Miles off Jalan Meru  
41050 Klang, Selangor, Malaysia

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Pahang Pharmacy Sdn. Bhd.  
Lot 5979, Jalan Teratai,  
5 ½ Miles off Jalan Meru  
41050 Klang, Selangor, Malaysia

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

12/03/2025

## **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)291124/00124